

Tengkorak hancur

Metro

18/4/12 MS 8

>>Oleh Wan Asrudi
Wan Hassan

am@hmetro.com.my

IPOH: Kematian bayi lelaki berusia dua minggu melaporkan akibat dipijak bapanya di Taman Bernam Jaya, Tanjung Malim pada Khamis lalu disahkan polis berpunca akibat patah tulang rusuk dan tempurung kepalanya hancur.

Sumber polis berkata, hasil laporan bedah siasat pakar patalogi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh, di sini, mendapati selain dipijak bapanya, bayi malang itu turut dihumban ke dinding.

Menurutnya, mangsa dipercayai dihentak atau dihumban ke dinding oleh bapa kandungnya sendiri yang dikatakan berada dalam keadaan mabuk.

"Mangsa mati dalam keadaan terseksa apabila tengkoraknya hancur. Ada kemungkinan kepala mangsa dihentam sekuat hati pada objek keras hingga menyebabkan tengkoraknya pecah.

"Doktor yang melakukan bedah siasat turut menemui kepingan dan cebisan tengkorak mangsa yang sudah pecah. Selain itu, tulang rusuk mangsa juga patah di-

"Mangsa mati dalam keadaan terseksa apabila tengkoraknya hancur. Ada kemungkinan kepala mangsa dihentam sekuat hati pada objek keras hingga menyebabkan tengkoraknya pecah"

>Sumber polis

percaya akibat dipijak bapanya" katanya.

Berita mengenai kematian bayi itu disiarkan di muka depan Harian Metro, Sabtu lalu. Mangsa dizalimi bapanya sendiri yang berang apabila sikap buruknya yang sering memukul enam anaknya dan mengabaikan keluarga ditegur adik iparnya.



IMBAS...laporan Harian Metro pada 14 April lalu.

Dalam kejadian itu, adik ipar terbabit yang berusia 32 tahun turut cedera apabila diserang dengan parang oleh suspek yang berusia 40-an itu.

Sementara itu, Ketua Polis Hulu Selangor, Superintendan Norel Azmi Yahya Affandi yang dihubungi berkata, bapa kandung bayi berkenaan yang kini ditahan reman boleh dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan kerana membunuh anaknya selain Seksyen 324 Kanun Keseksan kerana mencederakan adik iparnya.

"Bedah siasat membuktikan mayat bayi itu dicecerakan dengan teruk. Doktor mengesahkan ada unsur jenayah yang menjadi punca kematian bayi berkenaan," katanya.